

# PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG  
20 OGOS 2016  
SABTU



AKHBAR	TAJUK BERITA	M/S
SINAR HARIAN	LEBUH RAYA SESAK LORI TERBAKAR	2
SINAR HARIAN	‘KULIT AIMAN MELECET JIKA BERPELUH’	3



# SINAR HARIAN

SH 20/8/16

## Lebuhraya sesak lori terbakar

**PASIR GUDANG** - Lebuhraya Pasir Gudang di kedua-dua hala sesak sepanjang lebih empat kilometer selepas berlaku kebakaran membabitkan sebuah lori kontena yang sedang ditunda berhampiran susur keluar ke Plentong, di sini, kira-kira jam 2.45 petang semalam.

Tinjauan Sinar Harian mendapati kesesakan laluan dari Johor Bahru menghalau ke Pasir Gudang berpunca daripada sikap pemandu yang memperlambangkan kenderaan masing-masing kerana ingin melihat insiden berkenaan.

Bagaimanapun kesesakan laluan dari

Pasir Gudang pula berlaku apabila hanya satu lorong yang boleh digunakan kenderaan selepas api terlalu marak membakar lori kontena tersebut.


Komander Operasi dari Balai Bomba dan Penyelamat Pasir Gudang, Shahrudin Saari berkata, tujuh anggotanya bergegas ke lokasi kejadian selepas menerima panggilan kecemasan pada jam 2.57 petang.

"Kebakaran menyebabkan keseluruhan lori kontena itu terbakar, namun tidak menyebabkan kemalangan jiwa."

"Operasi tamat pada jam 3.33 petang dan punca kebakaran dalam siasatan," katanya.



Keadaan api yang marak membakar lori kontena yang sedang ditunda.



# SINAR HARIAN

STP 20/8/2016

## 'Kulit Aiman melebet jika berpeluh'

Kanak-kanak alami masalah kulit menggerutu sejak usia setahun, doktor kata tiada ubat mampu sembahukan

■ AZIZAN INCHE HARUN

**PASIR GUDANG** – "Saya nak belajar rajin-rajin sebab besar nanti mahu jadi askar dan bergaji besar untuk belikan mak dan ayah rumah," kata Muhamad Aiman Farish, 7, yang menghidap penyakit kulit sejak berumur setahun.

Muhamad Aiman akui teruja se-  
tiap kali melihat gambar tiga sepupu-  
nya sekadang beruniform tentera sambil  
mengang senjata.

"Saya tak nak jadi cikgu, tapi nak  
jadi askar sebab nampak kuat dan

segak.

"Sebab tu saya mesti kuat ke sekolah walaupun dalam keadaan tak sihat kerana kulit tak boleh terlalu lama kena matahar," katanya ketika ditemui *Sinar Harian* di bilik sewa didiami sekeluarga di Taman Mawar, di sini, semalam.

Sementara itu, bapanya, Mohd Anuar Husain, 32, berkata, anak sulton daripada tiga beradik itu mengalami sakit kulit selepas demam berpanjangan ketika berumur setahun.

Menurutnya, seluruh badan Muhamad Aiman bukan sahaja mengalami kulit menggelupas dan menggerutu, malah akan melebet sekiranya berpeluh atau terdedah terlalu lama bawah cahaya matahari.

"Alhamdulillah, dia rajin ke sekolah walaupun terpalsu berjalan kakinya sehingga kulitnya menjadi merah dan melebet akibat berpeluh."

"Saya tak ada buat rawatan susulan di hospital sebab doktor kata tak ada ubat untuk sembuh, tapi hanya

Bagi yang ingin membantu meringankan beban mereka sekeluarga boleh menyururkan sumbangan melalui akaun Maybank Mohd Anuar Husain bernombor (151240115332).

beli ubat di farmasi ketika mempunyai wang mencukupi kerana kosnya mencecah sehingga RM300 sebulan," katanya.

Bagi ibunya, Fazlida Yazid, 28, walaupun tidak selesa mendiami bilik sewa dalam keadaan tiga anak masih kecil, namun mereka tiada pilihan kerana tidak berkemampuan menyewa sebuah rumah.

Katanya, keadaan suami yang berpendapatan tidak menentu mengikut rakan membuai elektrik memerlukan niatnya untuk menghuni rumah yang lebih selesa, walaupun kadang-kala kasihan melihat keadaan Muhamad Aiman.

"Kipas memang kena sentiasa menghala ke arah Aiman kerana dia tak boleh panas langsung."

"Itu pun setiap masa memang lantai kena sapu sebab banyak kultur-kulitnya gugur akibat diguruh jika berpeluh."

"Kalau boleh memang nak duduk rumah lebih selesa," katanya.



Mohd Anuar dan Fazlida bersama dua anak yang lain menunjukkan keadaan badan Muhamad Aiman yang menderita sakit kulit.

